



Transformation Management Office (TMO)  
The Secretariat for PCG  
Level 37, Tower 2, Petronas Twin Towers  
Kuala Lumpur City Centre  
50088 Kuala Lumpur.  
Tel: +603 2034 0000 Fax: +603 2034 0001  
pcg@treasury.gov.my



## SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 17 Disember 2007

### **Sekolah PINTAR catat peningkatan dalam keputusan UPSR**

Program pengambilan sekolah angkat oleh Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), PINTAR (Menggalak Kecerdasan, Memupuk Bakat dan Menyokong Kebertanggungjawaban), telah mencatatkan keputusan memberangsangkan pada ulang tahun pertama pengenalannya apabila 397 pelajar daripada 34 sekolah rendah bawah program tersebut mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR baru-baru ini.

Peratusan jumlah pelajar yang mendapat 5A daripada sekolah-sekolah ini adalah 12.7%, lebih tinggi berbanding 9.7% purata pelajar 5A bagi peperiksaan yang sama seluruh negara. Keputusan yang dicatatkan pada tahun ini juga lebih baik daripada yang dicatatkan pada 2006 yang mana 9.4% daripada jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan UPSR di sekolah-sekolah berkenaan telah memperoleh 5A.

Aktiviti program PINTAR di sekolah-sekolah ini telah bermula sejak Januari 2007, yang mana GLC melibatkan diri secara aktif dengan menjalankan pelbagai program termasuk kelas pemulihan dan tuisyen, program pemakanan, kursus motivasi, sesi kaunseling dan bengkel pembangunan kemahiran.

Pada tahun ini, seramai 3,129 calon daripada sekolah-sekolah PINTAR telah menduduki peperiksaan UPSR (3,122 calon pada 2006). Selain daripada 397 daripada pelajar yang telah mendapat 5A, 319 pelajar lagi mendapat 4A; peningkatan daripada keputusan pada tahun lepas yang mana hanya 294 pelajar telah mendapat 5A dan 292 pelajar mendapat 4A. Kemajuan ketara juga dicatatkan dalam beberapa mata pelajaran utama dalam peperiksaan pada tahun ini – 31% jumlah pelajar mendapat pangkat A dalam Matematik, 27% (Sains) dan 18% (Bahasa Inggeris). Purata kadar kelulusan sekolah PINTAR turut meningkat kepada 68% pada 2007 berbanding 61% pada tahun sebelumnya.

Program PINTAR telah dilancarkan di Pulau Pinang pada bulan Disember 2006 dan sehingga ini telah diperluaskan ke beberapa negeri lain secara berperingkat. Setakat ini, sejumlah 25 GLC telah turut serta dalam program PINTAR yang melibatkan 38,400 pelajar di 96 buah sekolah rendah dan menengah. Program ini dijangka akan diperluaskan ke 350 buah sekolah menjelang 2010. Selari dengan ini, program PINTAR akan turut diperluaskan dengan kerjasama dan penglibatan lebih banyak syarikat swasta.

Program PINTAR merupakan salah satu daripada inisiatif bawah program Transformasi GLC (GLCT). Program ini membawa pendekatan baru dalam program sekolah angkat selari dengan seruan Kerajaan bawah Pelan Malaysia Kesembilan dan Bajet 2006 berkaitan kerjasama sektor awam dan swasta bagi kemajuan berterusan. Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG), jawatankuasa yang menyelenggarakan program GLCT menyasarkan agar program seumpama PINTAR dapat diperkenalkan di badan-badan yang lain bagi menyokong seruan Kerajaan berkenaan pembangunan modal insan.

Komponen utama program PINTAR terdiri daripada Program Motivasi dan Pembangunan Pasukan; Program Sokongan Pendidikan; Pembangunan Keupayaan dan Kebolehan; dan Pengurangan Kelemahan dan Isu Sosial. Program-program ini dikendalikan bersama oleh masyarakat sivil dan pertubuhan bukan-kerajaan (NGO) dengan komuniti setempat dan pentadbiran sekolah.

Program PINTAR telah dilancarkan di Pulau Pinang pada 17 Disember 2006 oleh Menteri Kewangan II, YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan disokong oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan.

### **Tamat**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Shareen Shariza Abdul Ghani di talian +603-2034 0388 ([shareen.ghani@khazanah.com.my](mailto:shareen.ghani@khazanah.com.my)) atau Mohd Asuki Abas di talian +603-2034 0294 ([asuki.abas@khazanah.com.my](mailto:asuki.abas@khazanah.com.my)).

### **Latarbelakang Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (“PCG”)**

PCG telah ditubuhkan pada Januari 2005 untuk mengendali serta memacu program Transformasi GLC. PCG dipengerusikan oleh Menteri Kewangan II dan disertai oleh ketua-ketua Syarikat Berkaitan Pelaburan Kerajaan, khususnya Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”), Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Urusan Tabung Haji dan wakil daripada Menteri Kewangan Diperbadankan dan Pejabat Perdana Menteri, yang bekerjasama untuk mengawasi perkembangan dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan berterusan.

Sebuah Pejabat Pengurusan Transformasi (“TMO”) telah ditubuhkan di Khazanah, Sekretariat kepada PCG. TMO bertanggungjawab untuk menguruskan pelaksanaan 10 Inisiatif yang dicadangkan bawah Program GLCT.

**PINTAR – Syarikat Berkaitan Kerajaan yang terlibat (25 buah pada 24 November 2007)**

1. Affin Bank Berhad
2. Bank Islam Malaysia Berhad
3. Boustead Holdings Berhad
4. Bumiputra-Commerce Holdings Berhad
5. Chemical Company of Malaysia Berhad
6. Golden Hope Plantations Berhad
7. Island & Peninsular Berhad
8. Kumpulan Guthrie Berhad
9. Malayan Banking Berhad
10. Malaysia Airports Holdings Berhad
11. Malaysia Building Society Berhad
12. Malaysian Airline System Berhad
13. Malaysian Resources Corporation Berhad
14. Media Prima Berhad
15. Pos Malaysia & Services Holdings Berhad
16. Proton Holdings Berhad
17. Sime Darby Berhad
18. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
19. Telekom Malaysia Berhad
20. Tenaga Nasional Berhad
21. TIME Engineering Berhad
22. UDA Holdings Berhad
23. UEM Builders Berhad
24. UEM Land Sdn. Bhd.
25. UMW Holdings Berhad

**PINTAR – Sekolah Angkat (96 buah pada 26 November 2007)**

**Pulau Pinang**

1. S.K. Jelutong Barat, Jelutong
2. S.K. Batu Feringgi, Bukit Bendera
3. S.K. Sg. Dua, Kepala Batas
4. S.K. Bukit Gelugor, Bukit Gelugor
5. S.K. Sungai Nibong, Bayan Baru
6. S.M.K. Raja Tun Uda, Bayan Baru
7. S.K. Permatang Damar Laut, Bayan Baru
8. S.M.K. Batu Maung, Bayan Baru
9. S.K. Batu Maung, Bayan Baru
10. S.K. Sg. Duri, Nibong Tebal
11. S.M.K. Sg. Ara, Balik Pulau
12. S.K. Bukit Teh, Bukit Mertajam
13. S.K. Machang Bubuk, Bukit Mertajam
14. S.M.K. Hutchings, Tanjong
15. S.M.K. Jelutong, Jelutong
16. S.K. Kampong Jawa, Tanjong
17. S.K. Dato' Kramat, Tanjong
18. S.K. Bagan Jermal, Butterworth
19. S.M.K. Sg. Acheh, Nibong Tebal
20. S.K. Kuala Perai, Bagan
21. S.M.K. Paya Keladi, Kepala Batas
22. S.K. Bagan Tuan Kechil, Bagan
23. S.K. Bumbung Lima, Kepala Batas
24. S.M.K. Teluk Bahang, Balik Pulau
25. S.K. Teluk Bahang, Balik Pulau
26. S.K. Permatang Binjai, Tasek Gelugor
27. S.M.K. Datuk Hj. Mohd. Nor Ahmad, Bukit Gelugor
28. S.K. Sri Aman, Bukit Gelugor
29. S.K. Bukit Indera Muda, Permatang Pauh
30. S.K. Seri Penanti, Permatang Pauh
31. S.K. Bayan Lepas, Balik Pulau
32. S.K. Bertam Indah, Kepala Batas
33. S.K. Tanjung Tokong, Bukit Bendera
34. S.M.K. Seri Balik Pulau, Balik Pulau
35. S.K. Bukit Tambun, Batu Kawan
36. S.K. Batu Kawan, Batu Kawan
37. S.K. Sg. Bakau, Nibong Tebal
38. S.K. Pulau Aman
39. S.K. Pulau Mertajam, Kepala Batas
40. S.K. Sungai Rusa, Balik Pulau
41. S.K. Telok Kumbar, Balik Pulau
42. S.K. Jelutong, Jelutong
43. S.K. Pulau Betong, Balik Pulau
44. S.K. Permatang Buloh, Tasek Gelugor
45. S.K. Mutiara Perdana, Balik Pulau
46. S.K. Juru, Batu Kawan

## **Perak**

1. S.K. Parit Tok Ngah, Parit Buntar
2. S.K. Pahit, Kg. Pahit, Gerik
3. S.M.K. Selinsing, Kerian
4. S.M.K. Sultan Muzaffar Shah 1, Lambor Kanan

## **Kedah**

1. S.M.K. (A) Baling, Baling
2. S.J.K.(T) Badenoch, Kuala Ketil
3. S.K. Tandop Besar, Kuala Nerang
4. S.K. Gulau, Sik
5. S.K. Hujung Bandar, Sik
6. S.K. Padang Pusing, Pendang
7. S.J.K.(C) Yang Kao, Guar Chempedak
8. S.K. Bukit Pinang, Jln Padang Tembak

## **Perlis**

1. S.K. Padang Melangit, Kangar
2. S.K. Padang Kota, Kangar
3. S.K. Sanglang, Simpang Empat

## **Johor**

1. S.K. Taman Pasir Putih, Pasir Gudang
2. S.K. Kg Melayu Nyior, Kluang
3. S.K. Tebrau Bakar Batu, Johor Bahru
4. S.J.K.T. Gelang Patah, Gelang Patah
5. S.K. Gelang Patah, Gelang Patah
6. S.K. Kampung Pulai, Gelang Patah
7. S.K. Ladang Pendas, Gelang Patah
8. S.K. Morni Pok, Gelang Patah
9. S.K. Nusantara, Gelang Patah
10. S.K. Sg Melayu, Johor Bahru
11. S.K. Sikijang ,
12. S.K. Taman Nusa Perintis, Gelang Patah
13. S.K. Tanjung Adang, Gelang Patah
14. S.K. Tanjung Kupang , Gelang Patah
15. S.K. Tiram Duku, Gelang Patah
16. S.M.K. Gelang Patah, Gelang Patah
17. S.M.K. Kompleks Sultan Abu Bakar , Gelang Patah
18. S.M.K. Taman Nusa Jaya, Gelang Patah
19. S.M.K. Tanjung Adang, Gelang Patah

## **Kelantan**

1. S.K. Pulau Kundor, Kota Bharu
2. S.K. Pauh Lima, Kota Bharu

3. S.K. Seri Aman, Pasir Putih
4. S.K. Padang Garong 2, Kota Bharu
5. S.K. Sabak, Kota Bharu
6. S.M.K. Kuala Balah, Jeli
7. S.K. Pengkalan Chepa, Kota Bharu
8. S.K. Paloh Pintu Gang, Kota Bharu
9. S.K. Kampong Tengah, Kuala Krai
10. S.K. Kg Laut, Tumpat

### **Terengganu**

1. S.K. Beladai Kolam, Kuala Terengganu
2. S.M.K. Ibrahim Fikri, Kuala Terengganu

### **Pahang**

1. S.K. Sungai Karang, Kuantan
2. S.K. Fakeh Abdul Samad
3. S.K. Wira, Kuantan

### **Kuala Lumpur**

1. S.M.K. La Salle, Brickfields